

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan senarai penuh kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk warga emas oleh Kementerian dan berapakah bilangan penerima dan peruntukan yang disediakan pada 2014.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi mengenang jasa serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah penuaan sihat, aktif dan produktif.

Sehingga September tahun 2014, JKM telah menyalurkan Bantuan Orang Tua (BOT) berjumlah RM 347,543,000 juta kepada seramai 131,571 orang warga emas di seluruh negara. Bagi Parlimen Parit Sulong seramai 461 orang warga emas telah menerima BOT yang berjumlah RM1,667,600. Bantuan ini bertujuan membantu untuk menampung keperluan asas warga emas supaya mereka boleh terus tinggal bersama keluarga dalam komuniti. Penempatan warga emas di institusi merupakan alternatif terakhir sekiranya warga emas tidak mempunyai waris atau saudara mara.

Dalam hal ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif. Pada tahun 2014 terdapat sebanyak 9 buah Rumah Seri Kenangan di Semenanjung Malaysia memberi penjagaan dan perlindungan kepada seramai 1590 orang penghuni. Selain itu, terdapat 2 buah Rumah Ehsan yang memberi penempatan seramai 216 orang penghuni di mana seramai 145 orang penghuni daripadanya adalah warga emas. Kadar wang saku bagi penghuni warga emas di institusi JKM juga telah dinaikkan daripada RM10 sebulan kepada RM30 sebulan mulai tahun 2014.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, KPWKM berpandangan bahawa pendekatan yang paling baik ialah bagi golongan warga emas terus tinggal dalam komuniti dan bukannya tinggal di rumah warga emas. Selaras dengan pendekatan ini, JKM telah melaksanakan beberapa program seperti berikut:

- i) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)
- ii) Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Service*)

iii) Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)

Tuan Yang Dipertua,

Melalui Program Pembelajaran Sepanjang Hayat, Skim Pengurangan yuran untuk calon pascasiswa warga emas di wujudkan di beberapa universiti tempatan seperti Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaya serta Kolej Komuniti untuk menggalakan warga emas melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan kekal hidup secara aktif dan produktif.

Kesimpulannya, KPWKM sentiasa komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial warga emas agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan bermaruah sebagai sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, komuniti dan masyarakat secara inklusif.

SOALAN (26)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 7 APRIL 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab adanya peraturan baru sejak Oktober 2015 bahawa semua kelulusan untuk bangunan yang lebih 18 meter tinggi hanya boleh diperoleh daripada Ibu Pejabat Bomba Putrajaya. Adakah peraturan ini hanya di Pulau Pinang. Bukankah ini bercanggah dengan garis panduan OSC pihak Kerajaan Tempatan yang menetapkan tempoh sesuatu kelulusan mesti dibuat ikut tempoh masa demi meningkatkan daya saing.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang peraturan baru yang dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berhubung dengan kelulusan untuk bangunan yang lebih 18 meter tinggi. Semakan kehendak-kehendak pepasangan keselamatan kebakaran bagi premis dibuat berdasarkan kepada rekabentuk, saiz, ketinggian dan isipadu sesuatu bangunan itu sendiri, dengan merujuk kepada undang-undang dan peraturan sedia ada dan diterima pakai oleh JBPM iaitu Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS) 1984, "Malaysian Standard" (MS) dan piawaian antarabangsa yang berkaitan. Keperluan menghantar pelan untuk semakan di ibu pejabat adalah atas urusan pentadbiran dan tidak menjaskan tempoh masa yang ditetapkan.

SOALAN (26)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 7 APRIL 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab adanya peraturan baru sejak Oktober 2015 bahawa semua kelulusan untuk bangunan yang lebih 18 meter tinggi hanya boleh diperoleh daripada Ibu Pejabat Bomba Putrajaya. Adakah peraturan ini hanya di Pulau Pinang. Bukankah ini bercanggah dengan garis panduan OSC pihak Kerajaan Tempatan yang menetapkan tempoh sesuatu kelulusan mesti dibuat ikut tempoh masa demi meningkatkan daya saing.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang peraturan baru yang dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berhubung dengan kelulusan untuk bangunan yang lebih 18 meter tinggi. Semakan kehendak-kehendak pepasangan keselamatan kebakaran bagi premis dibuat berdasarkan kepada rekabentuk, saiz, ketinggian dan isipadu sesuatu bangunan itu sendiri, dengan merujuk kepada undang-undang dan peraturan sedia ada dan diterima pakai oleh JBPM iaitu Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS) 1984, "Malaysian Standard" (MS) dan piawaian antarabangsa yang berkaitan. Keperluan menghantar pelan untuk semakan di ibu pejabat adalah atas urusan pentadbiran dan tidak menjaskan tempoh masa yang ditetapkan.